

23 NOV 1999

Mahathir-Kadazandusun

TIBA MASANYA KADAZANDUSUN BERPERANAN LEBIH BESAR DALAM KERAJAAN

PAPAR, 23 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata sudah tiba masanya bagi masyarakat Kadazandusun di Sabah untuk bersama-sama kaum lain memainkan fungsi yang lebih besar dalam pemerintahan negara ini.

Perdana Menteri berkata Parti Bersatu Sabah (PBS) tidak lagi boleh diharap untuk mewakili masyarakat berkenaan kerana parti pembangkang itu selama ini hanya menggunakan sentimen kaum semata-mata untuk kepentingan peribadi pemimpin mereka.

"Dengan ini, saya menggesa agar kaum Kadazandusun menyokong dan mengundi pemimpin Kadazandusun dalam BN (Barisan Nasional) pada pilihan raya umum ini bagi membolehkan nasib mereka dapat dibela," katanya ketika merasmikan majlis pecah tanah pembinaan markas Batalion Ke-16 Briged Sabah Pasukan Gerakan Am (PGA) di Kinarut, dekat sini.

Beliau berkata masyarakat Kadazandusun dan Bumiputera bukan Islam di Sabah selama ini tersisih dan tidak dapat memainkan peranan sewajarnya kerana mereka telah diasingkan oleh PBS dan pemimpin tertentu dalam parti pembangkang itu.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata sebaliknya, jika masyarakat berkenaan memilih pemimpin Kadazandusun yang berada dalam BN, nasib mereka akan dapat dibela dengan lebih baik lagi.

Dr Mahathir berkata: "Bukan kita tidak mahu bekerjasama dengan PBS tapi kita sudah serik. Mereka pernah menjadi anggota BN tapi pada 1990, ketika kita menghadapi pilihan raya, tiba-tiba PBS, dengan tidak memberitahu saya (selaku Pengerusi BN), telah keluar daripada BN.

"Saya yakin ini bukanlah sikap yang ada pada masyarakat Kadazandusun...ini cuma sikap PBS," kata beliau.

Perdana Menteri berkata akibat daripada itu, ramai pemimpin Kadazandusun yang telah hilang kepercayaan kepada parti pembangkang itu, memutuskan untuk menubuhkan parti politik mereka dan kemudian menyertai BN.

"Saya berpendapat orang Kadazandusun harus tinggalkan PBS dan menyertai parti komponen BN yang diketuai oleh pemimpin seperti Tan Sri Bernard Dompok dan Tan Sri Joseph Kurup," katanya.

Dompok ialah Presiden Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Bersatu (Upko) manakala Kurup mengetuai Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRSS).

Kedua-duanya adalah calon BN pada pilihan raya umum kali ini dengan Dompok bertanding kerusi Parlimen Kinabalu dan Kurup bagi kerusi Parlimen Keningau.

Dr Mahathir, yang dalam rangka lawatan singkat di Sabah, juga berkata BN memberi layanan sama rata kepada semua kaum melalui penyediaan peluang yang saksama kepada semua yang berkebolehan untuk memajukan diri masing-masing.

"Ada negara yang tidak membenarkan kaum tertentu menyertai pasukan bersenjata kerana memikirkan mereka akan bertindak ganas dan kemudian memberontak. Tapi di Malaysia, kita tidak mengasingkan sesiapa," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri turut merakamkan penghargaan kepada anggota polis dan pasukan keselamatan negara atas sikap profesional yang mereka tunjukkan ketika menjalankan tugas seharian.

Beliau bagaimanapun kesal dengan tindakan sesetengah pihak yang cuba mencabar kesabaran polis ketika cuba meleraikan perusuh di ibu negara yang terdiri daripada para penyokong bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri

Anwar Ibrahim.

"Ini bukti mereka tidak bersyukur dengan tugas polis yang bukan sahaja menjaga keselamatan negara, malah menjaga keselamatan perusuh itu sendiri," katanya," katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun yakin rakyat akan menolak mereka yang menjadi penghasut perusuh berkenaan.

Markas Briged Sabah PGA, yang dirasmikan Dr Mahathir hari ini, berharga RM140 juta dan dilengkapi pelbagai kemudahan termasuk rekreasi, pejabat pentadbiran serta 600 unit kediaman.

Turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Menteri Datuk Osu Sukam, Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakub dan Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai.

Perdana Menteri kemudian melawat Kem Lok kawi di sini yang menempatkan Briged Kelima Angkatan Tentera Malaysia.

Ketika berucap di hadapan kira-kira 1,000 anggota tentera di kem itu, Dr Mahathir turut merakamkan rasa syukur kerana kegawatan ekonomi yang melanda negara baru-baru ini tidak membawa sebarang ancaman keselamatan kepada negara.

Polis dan tentera berjaya mengawal keselamatan negara dengan disiplin dan sikap profesional yang tinggi, katanya.

"Dan oleh kerana polis dan tentera telah menjalankan tugas dengan baik, menjaga keamanan negara, maka kerajaan mempunyai masa yang cukup untuk memerangi kegawatan ekonomi," kata beliau.

Perdana Menteri berkata selagi ada persefahaman antara kerajaan, orang awam dan tentera, negara akan terus berada dalam keadaan aman dan sukar bagi mana-mana pihak asing untuk menjajah semula negara ini.

-- BERNAMA

JS NAK